

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	31 May 2015

Malaysia sedia jadi tuan rumah mesyuarat mini ASEAN

Bincang isu etnik Rohingya

UM -
31/5/2015

Oleh SHARILFUDDIN SAARI
pengarang@utusan.com.my

■ KANGAR 30 MEI

MALAYSIA bersedia untuk menjadi tuan rumah kepada mesyuarat kemuncak mini ASEAN bagi menyelesaikan masalah pemerdagangan manusia di rantau ini yang melibatkan etnik Rohingya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau telah mengarahkan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman supaya mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya dari negara-negara anggota bagi tujuan tersebut.

Kata beliau, Malaysia yang merupakan Pengerusi ASEAN 2015 berpendapat isu itu harus diselesaikan segera kerana jika tidak, perkara itu bakal memberi tamparan kepada

komuniti berkenaan.

"Sebagai Pengerusi ASEAN 2015, kita harap dapat melakukan sesuatu untuk mencapai penyelesaian positif dan Myanmar dapat memainkan peranan mereka.

"Prinsip kita tidak mencampuri urusan mana-mana negara tetapi setiap keputusan dibuat (Myanmar) seharusnya tidak mengakibatkan kehilangan nyawa dan menjejaskan imej ASEAN," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis Penyampaian Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) Peringkat Kebangsaan di Kampung Kurong Tengar di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dan Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man.

Beliau mengulas isu etnik Rohingya yang kini terpaksa menjadi pelarian di seluruh rantau ini den-

gan sebahagian besar daripadanya menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

Mengulas mengenai penemuan kubur dan kem penempatan mangsa pemerdagangan manusia di Wang Kelian dekat sini, Najib berkata, dalang sindiket tersebut yang diyakini merupakan rakyat asing harus ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan.

"Kalau nak selesaikan perkara ini, kepala (dalang) kegiatan ini harus ditangkap. Kita akan dapatkan bantuan negara jiran. Rakyat kita yang ditangkap setakat ini hanya merupakan orang suruhan sahaja.

"Kita mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan pemerdagangan manusia kerana ia satu bentuk kezaliman dan apa yang berlaku (penemuan kubur) amat menyayat hati," katanya.

Berhubung cadangan pembinaan pagar dan tembok di sem-

padan Thailand-Perlis, Najib memberitahu, ia bukan merupakan penyelesaian mutlak selain melibatkan kos yang tinggi kerana sindiket itu sentiasa mencari jalan untuk melakukan pemerdagangan manusia.

"Kalau kita sekat di sempadan, sindiket akan ke perairan pula. Pagar pun akan boleh dibolosi kerana selagi terdapatnya permintaan (daripada etnik Rohingya untuk memasuki negara ini)," katanya.

Beliau seterusnya memberitahu, tindakan kerajaan membantu pelarian etnik Rohingya pada masa ini adalah merupakan usaha menyelamatkan nyawa golongan itu.

"Kita beri perlindungan, makan dan minum sebagai tanggungjawab kemanusiaan supaya mereka boleh terus hidup. Peringkat selanjutnya, kita akan fikir kemudian," kata beliau lagi.